

23/03/1998

Umno rela singkir pemimpin

SUBANG, Ahad - Umno lebih rela menyingkirkan ahlinya walaupun mereka menjawat kedudukan tinggi daripada membiarkannya menjadi sebuah parti politik yang mengamalkan rasuah, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, langkah itu adalah lebih baik bagi memastikan parti itu bebas daripada amalan politik wang.

"Bagi Umno, walaupun kita terpaksa singkir orang yang ada kedudukan tinggi, itu lebih baik daripada Umno menjadi sebuah parti politik yang mengamalkan rasuah politik," katanya kepada pemberita sejurus tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS) selepas melakukan lawatan kerja tiga hari ke Jerman.

Beliau diminta mengulas langkah Badan Pencegah Rasuah (BPR) menahan beberapa anggota Umno berhubung gejala politik wang dalam pemilihan bahagian yang sedang berlangsung.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata: "Jika ada korupsi, apa kita nak buat. BPR kena siasat. Kita hendak Umno bebas daripada politik wang."

Perdana Menteri berkata, Umno sudah melakukan pelbagai cara bagi mengatasi gejala itu daripada berlaku dalam parti.

"Kita sudah beri amaran dan adakan mesyuarat khusus berhubung politik wang. Jika mereka masih mengamalkannya, BPR kena buat siasatan," katanya.

Ketua Pengarah BPR, Datuk Shafee Yahaya semalam berkata, pihaknya menahan dan mengambil keterangan tiga perwakilan Umno bahagian Kuala Selangor berhubung kes politik wang dalam pertandingan merebut pelbagai jawatan peringkat bahagian itu, minggu lalu.

Menurutnya, selain di Kuala Selangor, BPR juga menerima aduan berkaitan politik wang di Kelantan, Melaka, Perak dan Wilayah Persekutuan.

Di Kedah, enam anggota parti yang menghadiri persidangan perwakilan Umno bahagian Sungai Petani juga disoal siasat oleh BPR semalam bersabit dakwaan politik wang berhubung pemilihan di bahagian itu.

(END)